

Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan



Integriti. Inovasi. Evolusi.



Rev. 07 17 24



Daftar Kandungan

Sejarah Persistent Ingenuity™	01
--------------------------------------	-----------

Mesej Bersama daripada CEO Kita dan Pengerusi Lembaga Pengarah Kita	02
--	-----------

Visi, Nilai dan Sistem Perusahaan Barnes	03
---	-----------

Visi	03
------	----

Nilai	03
-------	----

Sistem Perusahaan Barnes	03
--------------------------	----

Pengenalan kepada Kod Kita	04
-----------------------------------	-----------

Menggunakan Kod Kita	05
----------------------	----

Mematuhi Kod Kita	05
-------------------	----

Tanggungjawab Kita	05
--------------------	----

Mendapatkan Nasihat dan Mengemukakan Kebimbangan	06
--	----

Membuat Keputusan Beretika	06
----------------------------	----

Bertindak demi Kepentingan Terbaik Syarikat Kita	07
---	-----------

Memperakui dan Mengelakkan Konflik Kepentingan	08
--	----

Menyimpan Rekod yang Tepat	09
----------------------------	----

Melindungi Harta Syarikat	10
---------------------------	----

Melindungi Maklumat Sulit dan Proprietari	11
---	----

Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam	12
-------------------------------------	----

Bercakap dengan Satu Suara	13
----------------------------	----

Komitmen Kita terhadap Warga Kita	14
--	-----------

Menghormati Warga Kita	15
------------------------	----

Merangkul Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman	16
---	----

Mencegah Gangguan dan Buli	17
----------------------------	----

Memastikan Tempat Kerja Kita Selamat dan Terjamin	18
---	----

Komitmen Kita terhadap Pelanggan Kita dan Pasaran	19
--	-----------

Menyampaikan Produk dan Perkhidmatan Berkualiti	20
---	----

Mengelakkan Rasuah dan Sogokan	21
--------------------------------	----

Memberi dan Menerima Hadiah dan Hiburan	22
---	----

Bersaing Secara Adil	23
----------------------	----

Bekerjasama dengan Rakan Niaga Kita	24
-------------------------------------	----

Bekerjasama dengan Pelanggan Kerajaan Kita	25
--	----

Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa	26
---	----

Komitmen Kita kepada Komuniti Kita	27
---	-----------

Memelihara dan Melindungi Warga Kita dan Alam Sekitar Kita	28
--	----

Menghormati Hak Asasi Manusia	29
-------------------------------	----

Menyertai Proses Politik	30
--------------------------	----

Melabur dalam Komuniti Kita	31
-----------------------------	----

Pindaan dan Penepian Kod Kita	32
--------------------------------------	-----------

Perakuan	33
-----------------	-----------

Sejarah Persistent Ingenuity™

Pada tahun 1857, Wallace Barnes dan E. L. Dunbar mengasaskan sebuah syarikat kecil di Bristol, Connecticut, mengeluarkan spring untuk jam dan skirt gelung.

Melalui usaha berterusan yang seterusnya, Barnes telah berkembang menjadi penyedia global bagi produk berkejuruteraan tinggi, teknologi perindustrian terbeza, dan penyelesaian inovatif yang disediakan untuk pelbagai pasaran dan pelanggan akhir. Barnes menyediakan perkhidmatan nilai tambah melalui rangkaian dan keupayaan global; menyampaikan kejuruteraan bernilai tinggi dan kepakaran pembuatan bermula dari konsep awal hingga ke pengeluaran dan sokongan dalam perkhidmatan. Kakitangan mahir dan berdedikasi Syarikat ini di seluruh dunia komited terhadap standard prestasi tertinggi dan terhadap pencapaian pertumbuhan yang konsisten, mampan dan menguntungkan.

Sejak awal lagi, Nilai Barnes kami telah membezakan kami daripada yang lain. Integriti, Hormat, Kolaborasi, Pemerkasaan dan Keazaman adalah Nilai—yang diserlahkan dalam Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan kami—yang mendorong dan menyokong kami sambil kami terus berinovasi, berkembang dan memberikan nilai serta hasil untuk pelanggan dan pihak berkepentingan kami.





Mesej Bersama daripada CEO Kami dan Pengerusi Lembaga Pengarah Kami

Rekod pencapaian kami bergantung pada Nilai dan pada ribuan pekerja kami seluruh dunia. Setiap daripada pekerja kami menjadikan Barnes syarikat yang unik dan istimewa. Bekerjasama menyatukan kami di peringkat global dan membolehkan kami mencipta budaya kecemerlangan dan keterangkuman. Kepelbagaian pengalaman, keupayaan, dan perspektif kami adalah asas budaya kami dan maksud sebenar terlibat sebagai Satu Pasukan. Satu Syarikat.

Nilai kami membimbing kami sambil kami terus memenuhi cabaran dan peluang dalam abad kedua puluh satu. Nilai ini, bersama dengan Sistem Perusahaan Barnes (BES) kami, adalah asas tentang siapa kami sebagai sebuah syarikat. Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan dibina daripada nilai tersebut dan menetapkan tingkah laku yang kami harapkan daripada semua pekerja, pegawai dan pengarah kami.

Sila ambil masa untuk membaca Kod ini dan membiasakan diri dengan panduannya. Dengan bertindak secara konsisten dengan Nilai kita, kita boleh meneruskan apa yang mungkin dan mencipta penyelesaian baharu untuk dunia

yang lebih baik, bersih, terangkum dan mampan. Reputasi kami untuk Persistent Ingenuity™ dan menjalankan perniagaan mengikut standard tertinggi adalah kunci untuk memajukan misi kami merintis teknologi yang mengubah dunia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan, jangan teragak-agak untuk bersuara. Jika anda kurang jelas tentang cara mana-mana bahagian Kod ini berkaitan dengan peranan anda di Barnes, sila minta penjelasan. Kami komited terhadap ketelusan dan kerjasama, dan terhadap pengkelan persekitaran yang membolehkan kita mengajukan soalan dan kebimbangan serta bekerjasama mencari penyelesaian.

Terima kasih atas dedikasi anda kepada Syarikat kita dan atas komitmen anda terhadap Nilai kita. Melalui komitmen bersama kita terhadap Kod kita, kepada Syarikat, dan kepada satu sama lain, kita lebih kuat bersama.

Thomas Hook, Presiden & CEO

Richard J. Hipple, Pengerusi Lembaga Pengarah

Visi, Nilai dan Sistem Perusahaan Barnes

Visi Kita

Untuk merintis teknologi yang membantu mengubah dunia.

Nilai Kita

Di Barnes, kita percaya akan:

Integriti

Kita menegakkan standard etika tertinggi—berakar umbi dalam keterbukaan, ketelusan dan kejujuran.

Hormat

Kita melayan satu sama lain dengan hormat dan bermaruah—dan tidak bertolak ansur dengan cara yang lain. Sebagai perniagaan global yang merentasi budaya, menggalakkan keadilan, kesamarataan, keselamatan, dan kepelbagaian adalah asas kepada cara kita bekerjasama dan menjalankan perniagaan.

Kolaborasi

Kita menyelesaikan cabaran yang kompleks dengan menghimpunkan minda yang terbaik dengan latar belakang yang pelbagai untuk membina pasukan inklusif yang bekerjasama dan memberi inspirasi antara satu sama lain. Bersama-sama kita mencabar status quo dan membayangkan semula perkara yang mungkin.

Pemeriksaan

Kita memperkasakan satu sama lain untuk memberi kesan positif kepada komuniti, pelanggan dan pemegang saham kita dengan bertanggungjawab terhadap satu sama lain.

Keazaman

Kita menerima perubahan dan memecahkan halangan melalui usaha berterusan untuk yang seterusnya. Kita terus mencabar diri kita sendiri, belajar daripada satu sama lain dan mendalami kepakaran kita sambil mencari penyelesaian generasi seterusnya untuk pihak berkepentingan kita.

Tujuan Kita

Untuk memajukan apa yang mungkin melalui usaha berterusan untuk yang seterusnya.

“Barnes ialah syarikat global yang menghargai kepelbagaian dan menekankan budaya. Visi dan Nilai kita terlaksana kepada pelanggan kita, tetapi pada akhirnya, kita ingin memperbaiki kehidupan orang ramai.”

Cindy Shi

Pengarah, Teknologi Lanjutan & Analitik Data
Hab Inovasi Barnes


Sistem Perusahaan Barnes

WARGA + PROSES = HASIL

Di Barnes, kita merintis produk dan penyelesaian berkualiti tinggi untuk pelanggan kita dan dunia. Untuk memastikan kita melaksanakannya, kita menggunakan Sistem Perusahaan Barnes (BES). BES memacu setiap aspek budaya dan prestasi kita, memberikan kita kelebihan daya saing yang ketara dalam pasaran global.

Walaupun BES pada asalnya dibina berdasarkan Nilai teras kita dan prinsip pembuatan yang cekap, sistem ini telah berkembang untuk menyertakan pembangunan alat pertumbuhan terperinci dan buku panduan untuk Kecemerlangan Komersial, Operasi dan Kewangan bagi membantu pekerja melaksanakan tugas dalam perniagaan kita. Penglibatan dan pemerikasaan pekerja adalah elemen penting bagi budaya penambahbaikan berterusan kita. BES menerapkannya dan menggabungkan dorongan pekerja dengan proses berskala, perkongsian amalan terbaik, dan pemikiran inovatif—BES menyatukan semuanya. Melalui BES, kita menyediakan nilai yang unggul kepada semua pihak berkepentingan kita—pelanggan, pekerja, pemegang saham, dan masyarakat.

Persistent Ingenuity di Barnes bermakna berusaha untuk tampil dengan cara baharu yang lebih baik untuk melakukan sesuatu setiap hari.



Pengenalan kepada Kod Kita

Integriti. Inovasi. Evolusi.

Selaras dengan kewujudan kita di peringkat global, Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan Barnes tersedia dalam sembilan bahasa. Ini bertujuan untuk melangkaui geografi bagi memupuk Nilai Barnes di mana sahaja kita menjalankan perniagaan. Kod kita membolehkan kita meluaskan tradisi kita tentang Integriti, Hormat, Kolaborasi, Pemerkasaan, dan Keazaman. Kod kita memberi kita alat untuk membuat sesuatu yang lebih baik, untuk membantu mengubah dunia.



"Saya telah bekerja di Barnes selama 33 tahun, dan Barnes secara berterusan dan berinovatif memberi kita semua apa yang kita perlukan untuk berjaya. Anda mahu melakukan kerja sebaik mungkin kerana setiap daripada kita akan duduk di atas kapal terbang suatu hari nanti. Saya mahu memandang sayapnya dan berkata bahawa saya berbangga; ada sumbangan saya dalam pembikinan enjin itu, dan saya tahu semuanya dalam keadaan baik."

Keith Stanfield
Ketua Jurumesin CNC
Barnes Aerospace



Menggunakan Kod Kita

Barnes komited untuk mematuhi standard etika yang tinggi dan menjalankan perniagaan secara sah di seluruh dunia. Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan Barnes menggariskan standard etika yang tinggi dan menetapkan jangkaan bahawa semua pekerja bertindak dengan jujur dan berintegriti. Kod kita tidak bertujuan untuk menangani setiap situasi dan menjawab setiap soalan. Sebaliknya, Kod ini menyediakan prinsip panduan, arahan praktikal, dan sumber yang diperlukan untuk membantu setiap daripada kita dalam membuat keputusan yang beretika dan menurut undang-undang.

Mematuhi Kod Kita

Kod kita terpakai kepada semua pekerja, pegawai dan ahli Lembaga Pengarah Barnes serta menyatukan kita merentasi lokasi dan budaya. Sebagai syarikat global, kita mematuhi undang-undang dan Kod ini dalam semua negara tempat kita menjalankan perniagaan.

Setiap pekerja, pegawai, dan pengarah bertanggungjawab untuk membaca, memahami, dan mematuhi Kod ini. Pekerja perlu menghubungi Perkhidmatan Undang-Undang jika terdapat sebarang soalan berkenaan undang-undang tempatan dan Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan. Pekerja yang melanggar Kod akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

Nasihat Kita

S. Bagaimanakah saya boleh temui dasar yang dirujuk dalam Kod kita?

J. Dasar korporat dipaparkan di BarnesNet di bawah tajuk "Sumber Syarikat". Jika anda tidak mempunyai akses kepada dasar korporat di BarnesNet, tanya pengurus anda atau wakil Sumber Manusia. Mereka boleh menyediakan salinan dasar berkenaan.

Tanggungjawab Kita

Barnes telah mendapat reputasi yang sangat baik. Untuk melindungi reputasi tersebut, kita semua mempunyai tanggungjawab peribadi untuk:

- Mematuhi Kod ini serta dasar, prosedur, dan garis panduan Syarikat yang lain
- Melengkapkan latihan yang ditugaskan tepat pada masa
- Bertanya soalan jika kita mempunyai sebarang keraguan atau kebimbangan
- Melaporkan kemungkinan tingkah laku yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, atau pelanggaran Kod kita atau dasar Syarikat yang berkaitan
- Tidak membuat tindakan balas terhadap sesiapa kerana mengemukakan soalan atau kebimbangan dengan niat baik
- Bekerjasama sepenuhnya dan bersikap jujur dalam sebarang audit, pertanyaan, atau penyiasatan

Tanggungjawab Tambahan untuk Pengurus dan Penyelia

Pengurus dan penyelia mempunyai tanggungjawab khusus untuk memimpin selaras dengan Nilai Barnes dan menjadi juara Kod kita. Mereka mesti mengambil langkah untuk mempengaruhi pekerja secara positif dan mewujudkan satu persekitaran yang membolehkan pekerja berasa selesa mengemukakan soalan atau kebimbangan tanpa bimbang akan tindakan balas atau pembalasan. Selain itu, pengurus dan penyelia mempunyai tanggungjawab berikut:

- Memberikan masa kepada pekerja untuk menyelesaikan latihan yang diperlukan
- Mengambil tindakan profesional dan tepat pada masanya berkenaan dengan soalan atau kebimbangan
- Tidak bertolak ansur terhadap keselamatan atau pematuhan untuk memperoleh hasil perniagaan
- Tidak mencipta peraturan atau dasar yang kurang ketat berbanding Kod kita
- Menjadi teladan positif dengan bertindak selaras dengan Kod kita
- Mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada tingkah laku yang menunjukkan komitmen terhadap Kod kita

Mendapatkan Nasihat dan Mengemukakan Kebimbangan

Kita semua perlu berasa selesa untuk mengemukakan soalan dan kebimbangan. Syarikat kita mengambil serius terhadap setiap soalan dan kebimbangan. Kadangkala, anda mungkin memerlukan bantuan menjawab soalan dan membuat keputusan. Apabila ragu-ragu, tanya sebelum bertindak.

Kita mempunyai beberapa sumber untuk mendapatkan nasihat atau mengemukakan kebimbangan, termasuk:

- Mana-mana pengurus atau penyelia
- Wakil Sumber Manusia anda
- Pegawai Pematuhan Global
- Penasihat Am
- Peguam dalam Perkhidmatan Undang-Undang
- Alat Pelaporan Pematuhan Barnes

Kita semua bertanggungjawab untuk melaporkan, dengan niat baik, pelanggaran yang disyaki atau yang mungkin terhadap Kod kita, dasar Syarikat kita, atau mana-mana undang-undang. Ketahui bahawa anda sentiasa boleh bercakap dengan wakil Sumber Manusia anda, penyelia, atau Pematuhan dan Perkhidmatan Undang-Undang. Berhubung dengan melaporkan kebimbangan, kita mempunyai dasar pintu terbuka.

Anda juga boleh melaporkan kebimbangan secara tanpa nama melalui Alat Pelaporan Pematuhan Syarikat. Alat Pelaporan Pematuhan tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Pembekal pihak ketiga yang bebas akan menjawab semuanya dalam apa-apa bahasa yang dituturkan oleh pekerja kita. Syarikat kita akan mengambil semua langkah yang sesuai untuk memelihara kerahsiaan dan identiti sesiapa yang membuat laporan atau mengemukakan kebimbangan dengan niat baik. Butiran hubungan untuk Alat Pelaporan disenaraikan di bawah:

- Melalui telefon:
Akses [Senarai Telefon Alat Pelaporan](#) untuk mencari nombor telefon untuk negara atau rantau anda
- Melalui internet:
<http://barnesgroupinc.ethicspoint.com>
- Melalui surat-menyurat biasa:
Alat Pelaporan Pematuhan Korporat Barnes
P.O. Box PMB 3767
13950 Ballantyne Corporate Place, Ste. 300
Charlotte, NC 28277-2712

Jika anda menyaksikan, melakukan, atau mengetahui sesuatu yang mungkin merupakan pelanggaran, anda perlu segera melaporkannya kepada sekurang-kurangnya salah satu sumber yang disenaraikan di atas. Anda tidak sepatutnya menyiasat sendiri.

Barnes mempunyai dasar tiada tindakan balas. Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas terhadap sesiapa sahaja kerana mengemukakan soalan atau kebimbangan dengan niat baik. "Niat Baik" bermaksud laporan adalah jujur, ikhlas, dan lengkap sepanjang pengetahuan orang tersebut.

Nasihat Kita

S. Bolehkah saya membuat laporan tanpa nama?

J. Ya, anda boleh, dengan menggunakan Alat Pelaporan Pematuhan Syarikat. Walau bagaimanapun, penyiasatan terhadap aduan anda mungkin lebih sukar jika kami tidak dapat menghubungi anda untuk maklumat lanjut. Memberikan nama dan maklumat hubungan anda juga membolehkan kami memaklumkan anda tentang status penyiasatan. Ingat, kami akan mengambil semua langkah yang sesuai semasa proses semakan atau penyiasatan untuk memelihara kerahsiaan dan ketanpanamaan sesiapa yang mengemukakan soalan atau kebimbangan dengan niat baik dan menyokong prinsip kami mengenai tiada tindakan balas.

Membuat Keputusan Beretika

Apabila cuba membuat keputusan yang betul, tanyakan diri anda soalan yang berikut:

Adakah saya mematuhi undang-undang, dasar atau amalan yang berkenaan?



Adakah saya bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat dengan membuat keputusan selaras dengan Nilai Barnes?



Adakah saya berunding dengan seseorang di Syarikat kita untuk membantu keputusan saya?



Adakah saya berasa selesa jika rakan sekerja, keluarga, rakan atau orang ramai tahu keputusan saya?

Jika jawapannya adalah ya kepada semua soalan ini, teruskan dengan yakin kerana anda menyokong komitmen kami terhadap integriti, inovasi dan evolusi.

Jika jawapan kepada sebarang soalan adalah *tidak* atau jika anda tidak pasti, dapatkan bantuan daripada salah satu sumber sokongan anda sebelum membuat keputusan untuk meneruskan.

Bertindak demi Kepentingan Terbaik Syarikat Kita

Integriti. Inovasi. Evolusi.

Perkaitan, nama baik dan reputasi berterusan kita bergantung pada tindakan yang selaras dengan Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan kita yang diambil demi kepentingan terbaik Syarikat kita.



“Segala perkara yang kita lakukan adalah demi kepentingan terbaik Syarikat. Dengan mendahulukan Syarikat, kita memastikan kita mewakili pihak berkepentingan dalam semua perkara yang kita lakukan.”

Andreas Mueller
Naib Presiden, Operasi Global
Penyelesaian Acuan

Mengenal dan Mengelakkan Konflik Kepentingan

Kepercayaan Kita

Kita meletakkan kepentingan Barnes dan pelanggan kita melebihi kepentingan peribadi kita sendiri supaya kita boleh membuat keputusan perniagaan yang bijak tanpa berat sebelah. Konflik kepentingan, walaupun hanya kelihatan seperti konflik kepentingan, merosakkan integriti dan reputasi kita.

Alasan Kita

Membuat keputusan wajar yang tidak berat sebelah dan bebas daripada konflik kepentingan akan meraih kepercayaan pihak berkepentingan kita dan memastikan seluruh Syarikat kita bersepakat, justeru membawa kepada inovasi dan hasil yang lebih baik.

Tindakan Kita

- Memperakui bahawa hubungan peribadi boleh mengganggu keobjektifan kita dan mewujudkan konflik kepentingan
- Mendedahkan dengan segera konflik kepentingan sebenar atau yang berpotensi kepada wakil HR atau Perkhidmatan Undang-undang anda. Contoh konflik kepentingan termasuk:
 - Sebarang minat atau hubungan bebas antara anda dengan pekerja, pembekal, vendor, ejen, perunding, pelanggan atau pesaing lain
 - Hubungan keluarga yang membolehkan anda secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi pekerjaan saudara anda itu di Barnes
 - Pekerjaan luar
 - Kepentingan kewangan yang boleh mempengaruhi pertimbangan anda mengenai perkara Barnes
- Mendapatkan nasihat daripada wakil HR anda atau Perkhidmatan Undang-undang apabila anda mengesyaki mungkin terdapat konflik kepentingan

Apakah Konflik Kepentingan?

Konflik kepentingan berlaku apabila urusan peribadi anda mengganggu kemampuan anda untuk membuat keputusan kerja yang objektif.

Konflik Biasa

Hubungan Tempat Kerja. Hubungan peribadi dengan orang lain di tempat kerja boleh membawa kepada pilih kasih. Malah apa-apa yang kelihatan seperti perlakuan berat sebelah boleh menghakis kekuatan pasukan kita.

Konflik Biasa (sambungan)

Hubungan Perniagaan. Kita tidak seharusnya terlibat dalam keputusan sama ada untuk menggunakan vendor atau pembekal jika kita mempunyai hubungan peribadi dengan seseorang yang bekerja di sana. Hubungan dengan pesaing juga boleh mencipta masalah.

Pekerjaan Luar. Pastikan pekerjaan luar atau aktiviti lain tidak menghalang tanggungjawab atau sumbangan kita kepada Barnes. Bekerja untuk pesaing atau pembekal Barnes akan mewujudkan konflik kepentingan.

Kepentingan Kewangan. Melabur dalam perniagaan yang dikaitkan dengan Barnes adalah potensi konflik kepentingan. Pastikan bahawa pelaburan peribadi—dan pelaburan rakan dan saudara-mara—tidak mempengaruhi keputusan kita bagi pihak Syarikat kita.

Konflik kepentingan bukan berlaku dalam situasi ini sahaja. Jika anda tidak pasti sama ada konflik wujud, dapatkan bantuan. Dalam kebanyakan kes, kita boleh menguruskan konflik kepentingan dengan berhati-hati apabila didedahkan dengan betul.

Nasihat Kita

S. Saya bekerja dalam perolehan dan perlu menggantikan pembekal dengan segera supaya kita dapat memenuhi tarikh akhir pelanggan kita. Abang saya memiliki syarikat yang menyediakan bahan yang kita perlukan pada kadar yang lebih rendah. Bolehkah saya mengupah syarikatnya?

J. Pertama, anda perlu mendedahkan potensi konflik kepada pengurus dan Sumber Manusia anda. Anda boleh merujuk syarikat saudara anda kepada perolehan, yang akan mengikut proses pemilihan pembekal standard. Tetapi anda tidak boleh terlibat dalam sebarang keputusan yang dibuat melibatkan firmannya. Ingat, kita harus mengelakkan apa-apa yang kelihatan seperti pilih kasih dan sentiasa mengikut proses standard.

S. Saya seorang jurutera yang bekerja di Hab Inovasi kita. Pada persidangan yang saya hadiri baru-baru ini, saya diminta oleh wakil Persatuan Industri Robotik untuk menyampaikan program pensijilan 30 jam, dan mereka ingin memberi saya sedikit bayaran. Bolehkah saya menerima tawaran ini?

J. Tidak, anda tidak boleh menerima bayaran untuk peluang luar yang muncul disebabkan oleh pekerjaan anda dengan Barnes. Berbincang dengan penyelia anda mengenainya. Jika ini adalah sesuatu yang akan memberi manfaat kepada Barnes secara keseluruhan, anda mungkin boleh mengambil bahagian. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, persatuan tidak akan dapat membayar anda secara langsung.

Menyimpan Rekod yang Tepat

Kepercayaan Kita

Selama bertahun-tahun dan melalui pelbagai perubahan, Barnes telah menjalankan perniagaan dengan jujur. Rekod kita perlu menggambarkan perniagaan kita dengan tepat, dan prosedur perakaunan dan pelaporan kewangan kita mestilah adil dan jujur.

Alasan Kita

Penyimpanan rekod yang tepat menyokong kesihatan jangka panjang perniagaan kita. Keputusan strategik bergantung pada maklumat yang tepat, dan sebagai sebuah syarikat, kita bergantung pada keputusan sedemikian untuk bergerak ke hadapan. Di samping itu, kita adalah syarikat dagangan awam. Ini bermakna kita mempunyai kewajipan untuk memastikan rekod dan laporan kewangan kita dengan lengkap dan tepat menggambarkan transaksi perniagaan kita dan mematuhi keperluan kawal selia.

Tindakan Kita

Kita menyimpan rekod yang tepat apabila kita:

- Mengekalkan buku dan rekod yang lengkap, tepat dan tepat pada masanya
- Mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum (GAAP) dan dasar Barnes mengenai pelaporan kewangan dan kawalan dalaman
- Mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan
- Menyerahkan laporan yang diperlukan kepada pihak berkuasa A.S. dan pihak berkuasa kawal selia global yang lain
- Bekerjasama secara terbuka, jujur, dan sepenuhnya dengan pegawai kewangan Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran kita
- Mengetahui risiko penyimpanan rekod yang tidak tepat atau penipuan dan berkomunikasi dengan sewajarnya
- Menyimpan dan melupuskan rekod mengikut undang-undang dan keperluan penyimpanan rekod Syarikat
- Mematuhi sebarang pengekalan atau notis “tahan” daripada Perkhidmatan Undang-undang

Semua pekerja mempunyai tanggungjawab untuk mengikut kawalan dalaman kita dan mengekalkan rekod yang menggambarkan transaksi perniagaan kita dengan tepat. Pekerja tertentu, termasuk CEO, CFO, Pengawal dan pekerja perakaunan kita dipertanggungjawabkan pada standard tertinggi. Pelaporan kewangan palsu adalah dilarang.

Apakah Pelaporan Kewangan Palsu?

Secara umum, pelaporan kewangan palsu adalah secara sengaja mengelirukan atau tidak lengkap. Ini boleh berlaku dalam banyak bentuk tertentu dan mungkin juga berpunca daripada kecuai.

Apakah Notis “Tahan”?

Perkhidmatan Undang-undang kadangkala dapat mengecam perkara yang mungkin membawa kepada penyiasatan atau litigasi. Mereka kemudiannya boleh mengeluarkan notis tahan pada rekod yang mungkin diperlukan dalam kes sedemikian. Dalam keadaan ini, kita perlu mengikut nasihat Perkhidmatan Undang-undang dan mengekalkan dokumen yang berkaitan.

Audit dan Penyiasatan

Kadangkala, kita akan mempunyai audit atau penyiasatan dalaman atau luaran. Kita semua mempunyai tanggungjawab bersama untuk bekerjasama dalam situasi ini. Juruaudit dan penyiasat boleh meminta maklumat spesifik. Jika anda tidak pasti maklumat apa yang seorang juruaudit atau penyiasat berhak dapat, dapatkan bimbingan daripada Perkhidmatan Undang-undang. Jika anda dikehendaki mengemukakan maklumat, pastikan maklumat itu tepat dan anda merahsiakan maklumat dan penyiasatan itu.


Rekod Perniagaan

Rekod perniagaan dan kewangan boleh wujud dalam banyak bentuk, sama ada kertas atau elektronik. Beberapa contoh termasuk:

- Data inventori dan laporan pengeluaran
- Pesanan pembelian dan invoice
- Fail kakitangan
- E-mel dan surat-menyurat lain (memo, mesej segera, mesej teks, surat, dll.)
- Dasar dan prosedur
- Kontrak
- Perisian
- Analisis, jadual, formula, jadual dan model kewangan

Senarai ini tidak lengkap. Jika anda tidak pasti tentang cara terbaik untuk menyimpan, menyelenggara dan melupuskan rekod Syarikat, tanya penyelia anda. Anda juga boleh menyemak Dasar Pengekalan Rekod.

Melindungi Harta Syarikat



Kepercayaan Kita

Sebagai sebuah syarikat global, Barnes telah mengumpulkan banyak harta benda. Aset ini penting untuk kerja yang kita lakukan. Harta benda syarikat, termasuk ruang pejabat, peralatan dan alatan pengilangan, kenderaan, komputer dan rangkaian, menyokong perniagaan kita. Kita melakukan inovasi terbaik apabila kita mengekalkan dan melindungi harta benda tersebut.

Alasan Kita

Keselesaan dalam persekitaran kita membolehkan kita melakukan kerja yang terbaik. Kita memerlukan akses kepada sumber yang terbaik, termasuk kemudahan, kenderaan dan bekalan. Sumber-sumber ini tidak dapat menyokong visi kita jika tidak diurus dengan baik.

Tindakan Kita

Kita semua boleh menggunakan akal untuk melindungi harta Syarikat. Apabila kita memastikan ruang kerja bersih dan diselenggara dengan baik serta memastikan teknologi kita dikemas kini, kita mengurangkan kemungkinan harta benda Syarikat rosak. Pastikan pengurus anda dimaklumkan tentang sebarang peralatan berkaitan kerja yang mungkin perlu diperbaiki atau diganti. Ini bukan sahaja memastikan produktiviti tetapi juga keselamatan.

Selain itu, kita melindungi harta Syarikat apabila kita:

- Log keluar daripada komputer dan mesin Syarikat apabila tidak digunakan
- Mematuhi semua prosedur keselamatan untuk memasuki dan keluar dari harta syarikat
- Berwaspada terhadap kecurian dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan
- Mematuhi semua prosedur keselamatan apabila menggunakan peralatan Syarikat
- Mematuhi protokol untuk penggunaan aset Syarikat seperti peranti komputer, kenderaan dan produk
- Melindungi maklumat, rangkaian dan peranti daripada akses tanpa kebenaran dengan kata laluan dan penyulitan yang selamat, seperti yang diperlukan
- Melaporkan sebarang penyalahgunaan yang disyaki atau akses tanpa kebenaran kepada harta Syarikat, termasuk rangkaian, peranti dan maklumat Syarikat

Melindungi Maklumat Sulit dan Proprietari



Kepercayaan Kita

Maklumat sulit kita adalah sebahagian daripada perkara yang membezakan kita daripada pesaing kita dan menjadikan kita unik. Bertindak dengan integriti bermakna melindungi maklumat tersebut daripada penggunaan yang tidak dibenarkan.

Alasan Kita

Tradisi inovasi kita bergantung pada maklumat proprietari. Apabila kita membangunkan idea, produk dan perkhidmatan baharu, kita mengukuhkan kemampuan kita untuk menyesuaikan diri dan berkembang. Untuk memanfaatkan maklumat ini dengan cara terbaik dan mengekalkan kedudukan yang kompetitif, kita perlu melindunginya.

Tindakan Kita

Kita melindungi maklumat sulit dan proprietari apabila kita:

- Berkongsi maklumat tersebut hanya dengan pekerja atau pihak ketiga lain yang diberi kuasa untuk menggunakannya
- Menggunakan perjanjian ketakdedahan, lesen, perkhidmatan dan kerjasama dengan pihak ketiga
- Melabelkan fail atau dokumen dengan jelas sebagai "Sulit," mengikut kesesuaian
- Melindungi dokumen, data dan peranti dengan langkah fizikal, kata laluan dan penyulitan yang berkesan
- Jangan bincangkan perkara sulit di khalayak ramai atau menjadikannya jelas kelihatan kepada orang lain (cth., semasa bekerja dengan komputer riba di kafé)
- Mengiringi pelawat supaya mereka tidak boleh memasuki kawasan larangan
- Melaporkan sebarang pelanggaran supaya perkara ini boleh ditangani dengan segera

Adalah penting bahawa kita juga tidak berkongsi atau mencari maklumat sulit pihak ketiga, termasuk maklumat sulit bekas majikan.

Apakah Beberapa Contoh Maklumat Sulit?

Maklumat perniagaan sulit boleh wujud dalam pelbagai bentuk. Beberapa contoh termasuk:

- Maklumat proprietari seperti perisian, reka bentuk perindustrian dan proses pengilangan
- Rahsia perdagangan dan harta intelek lain yang tidak diketahui umum
- Maklumat kewangan bukan awam, seperti harga dan unjuran
- Produk baharu dan rancangan pemasaran
- Senarai pelanggan dan pembekal
- Idea dan maklumat penyelidikan dan pembangunan
- Maklumat yang wajib kita rahsiakan secara kontrak

Privasi Pekerja

Kita memastikan semua maklumat dan data peribadi pekerja kita selamat dan sulit menurut peraturan privasi data yang berkaitan. Beberapa contoh maklumat pekerja peribadi termasuk:

- Nama
- Alamat rumah
- Alamat e-mel peribadi
- Nombor pengenalan pekerja
- Nombor pengenalan kerajaan

Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam



Kepercayaan Kita

Nilai Syarikat kita terletak pada pendekatan inovatifnya untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kejuruteraan bernilai tinggi. Sekuriti dagangan awam kita perlu mencerminkan nilai tersebut. Kita tidak menggunakan atau berkongsi maklumat penting yang bukan umum untuk membeli atau menjual sekuriti dalam Syarikat kita atau mana-mana syarikat lain.

Maklumat Penting Bukan Umum dan Perdagangan Orang Dalam

Sebagai sebahagian daripada pekerjaan kita, kita mungkin mengetahui maklumat Syarikat atau maklumat tentang syarikat lain yang berurusan dengan kita sebelum maklumat itu diketahui orang ramai. Ini dipanggil sebagai “maklumat penting bukan umum,” dan maklumat ini mungkin bernilai kepada pelabur. Contohnya termasuk:

- Pendapatan dan ramalan pendapatan yang belum diumumkan
- Berita penggabungan atau pengambilalihan
- Perubahan dalam pengurusan kanan
- Produk atau pembangunan baharu
- Peristiwa penting yang boleh menjejaskan harga saham

Menggunakan atau berkongsi maklumat penting bukan umum untuk membeli atau menjual saham ialah perdagangan orang dalam. Amalan ini tidak adil, menyalahi undang-undang, dan boleh mengganggu pasaran awam.

Alasan Kita

Reputasi kita bergantung pada kepercayaan yang kita bina dengan pelanggan, pelabur dan rakan niaga perniagaan. Perdagangan orang dalam melanggar kepercayaan itu dengan mengambil kesempatan daripada maklumat bukan umum untuk keuntungan kewangan. Perdagangan orang dalam juga merupakan jenayah serius yang boleh dikenakan denda yang tinggi dan juga hukuman penjara.

Tindakan Kita

Kita menghalang perdagangan orang dalam apabila kita:

- Tidak sekali-kali membeli atau menjual saham dalam Barnes atau mana-mana syarikat awam lain jika dan apabila kita mempunyai maklumat dalaman
- Tidak sekali-kali membeli atau menjual saham sehingga maklumat dalaman tentang Syarikat tersedia secara umum dan pelabur mempunyai peluang untuk menilainya
- Tidak mendedahkan maklumat dalaman kepada sesiapa di luar Barnes, termasuk ahli keluarga, saudara mara atau rakan
- Hanya berkongsi maklumat dalaman dengan rakan sekerja atas dasar “perlu tahu”
- Mengelakkannya, walaupun perkara itu hanya kelihatan seperti perdagangan maklumat dalaman
- Jangan terlibat dengan “memberi petua”
- Jangan sekali-kali menyebarkan maklumat palsu atau melakukan apa-apa untuk memanipulasi harga sekuriti tersenarai awam

Apa Itu “Memberi Petua”?

Menyalurkan maklumat penting bukan umum kepada orang lain dikenali sebagai “memberi petua.” Maklumat itu boleh dihantar kepada syarikat lain atau sesiapa sahaja yang mungkin berdagang berdasarkan pengetahuan ini. Sama ada dilakukan secara langsung atau tidak langsung, perkara ini tidak beretika dan menyalahi undang-undang.

Bercakap dengan Satu Suara



Kepercayaan Kita

Kita mengekalkan reputasi kita apabila kita bercakap dengan jelas dan jujur. Kita berkongsi tanggungjawab untuk komunikasi yang konsisten, dan kita berusaha untuk mengunjurkan satu suara kepada pihak berkepentingan di luar Syarikat. Pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kita berharap dan bergantung padanya.

Alasan Kita

Baik media tradisional mahu pun media sosial boleh menjadi sumber maklumat yang salah. Dengan bercakap dengan satu suara, secara tepat dan jujur, kita membentuk naratif kita, melindungi maklumat sensitif dan meminimumkan kekeliruan. Kejelasan ini meyakinkan pihak berkepentingan sambil kita berkembang.

Tindakan Kita

Sebahagian daripada kita bertanggungjawab secara langsung untuk menjawab permintaan dari luar Syarikat. Kita menyokong individu tersebut sebaik-baiknya apabila kita:

- Membalas dengan sopan dan enggan mengulas jika kita tidak diberi kuasa untuk mengendalikan pertanyaan luar
- Merujuk pertanyaan sedemikian kepada orang yang sesuai, dengan maklumat hubungan yang tepat
- Tidak sekali-kali berkongsi pendapat kita tentang keputusan Syarikat, pekerja, pelanggan atau rakan niaga kita
- Tidak sekali-kali mendedahkan maklumat sensitif atau sulit

Media Sosial

Media sosial telah meluaskan cara kita berkomunikasi. Facebook, LinkedIn dan Twitter hanyalah beberapa contoh laman media sosial yang popular. Kaedah ini menawarkan kelebihan yang luar biasa, tetapi kita mesti menggunakan media sosial dengan bijak. Apabila menggunakan media sosial, kita mesti berhati-hati supaya:

- Memastikan ini tidak mengganggu kerja
- Tidak sekali-kali mendedahkan maklumat sulit Syarikat
- Tidak sekali-kali menggambarkan pandangan peribadi kita sebagai pandangan Barnes

Secara umum, apabila membincangkan Syarikat di media sosial, jelaskan bahawa anda menyatakan pandangan anda sendiri dan anda tidak mewakili Barnes. Biarkan pekerja yang diberi kuasa untuk mewakili Syarikat menjawab mesej yang lebih khusus. Ini akan memastikan suara Syarikat dipelihara untuk pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan pihak berkepentingan kita.

Komitmen Kita Terhadap Warga Kita

Integriti. Inovasi. Evolusi.

Kakitangan kita terus menjadi aset kita yang paling penting dan merupakan pemacu utama kejayaan kita. Memahami tujuan dan komitmen kita untuk menyediakan peluang kepada semua orang yang memilih menjadi sebahagian daripada pasukan kita kekal menjadi keutamaan.



“Pekerja Barnes mahu memimpin melalui teladan. Semua orang ingin tahu cara kita menonjolkan diri di pasaran. Kita benar-benar menumpukan pada usaha mengembangkan kakitangan kita, mendidik kakitangan kita, dan mencari peluang baharu untuk kakitangan kita. Kita merekrut dari seluruh dunia, dan ini memberikan perbezaan besar jika dilihat dari perspektif pertumbuhan dan kecekapan. Barnes menunjukkan pendirian saya: komuniti, kerja keras, disokong dan diberi ganjaran. Ia membenarkan gabungan kepelbagaian dan keterangkuman serta inovasi. Ini semua cara Barnes.”

Josephine Hasfal-Agard
Pengarah, Cukai
Barnes

Menghormati Warga Kita



Kepercayaan Kita

Keadilan bermula dengan rasa hormat. Kita semua berhak dilayan dengan bermaruah dan dihormati di tempat kerja. Pekerja kita yang berdedikasi berkembang maju dan berinovasi di tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi dan tingkah laku tidak hormat. Setiap orang harus mempunyai peluang yang sama untuk menyumbang kepada kejayaan Syarikat.

Alasan Kita

Dengan menghormati satu sama lain, kita mewujudkan persekitaran kerja yang membolehkan semua orang melakukan kerja yang terbaik. Persekitaran kerja yang dihormati bermula dengan keadilan dalam pengambilan pekerja dan akses kepada peluang, iaitu setiap pekerja boleh mencapai potensi penuh mereka.

Tindakan Kita

- Sentiasa melayan satu sama lain dengan bermaruah dan hormat
- Memperakui kekuatan dan pencapaian masing-masing
- Tidak sekali-kali berkata atau melakukan sesuatu yang menyinggung perasaan atau merendahkan orang lain
- Bersuara jika kita melihat tingkah laku yang tidak sopan atau menyinggung perasaan
- Fokus pada kualiti yang membawa nilai kepada perniagaan kita

Sistem Pengurusan Bakat

Sistem Pengurusan Bakat (TMS) kita mengukuhkan komitmen kita terhadap kepelbagaian, keterangkuman dan keadilan dalam proses pengambilan dan kenaikan pangkat. Dibina berdasarkan Nilai kita berkaitan Kerjasama dan Pemerksaan serta berasaskan BES, TMS menyokong pertumbuhan, pembangunan dan penglibatan semua pekerja supaya kita melakukan yang terbaik setiap hari. Setiap pekerja global kita menjadikan Barnes unik dengan menjadi unik. TMS memanfaatkan keunikan itu untuk memupuk budaya keterangkuman.



Menyokong Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman



Kepercayaan Kita

Perniagaan global kita merangkumi kepelbagaian, dan tempat kerja kita mengutamakan pembangunan, pemeraksanaan dan penglibatan semua pekerja. Kepelbagaian pengalaman, keupayaan dan perspektif adalah teras kepada kejayaan kita.

Alasan Kita

Apabila semua orang berasa dialu-alukan untuk menyumbang, kita membuat keputusan yang lebih baik sebagai sebuah Syarikat. Kita mencari dan menghargai pelbagai perspektif kerana ini meningkatkan kreativiti kita, memacu inovasi dan selaras dengan budaya “Satu Pasukan Satu Syarikat.” kita. Kita juga mencapai perpaduan yang lebih besar apabila kita benar-benar menyokong kepelbagaian.

Tindakan Kita

Kita menyokong kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman apabila kita:

- Membina pasukan kita
- Menyertakan semua ahli pasukan apabila berkongsi maklumat dan meminta input
- Mencari sudut pandangan yang berbeza secara aktif apabila mencari penyelesaian
- Mendengar semua sudut pandangan dengan sopan dan hormat
- Tidak sekali-kali mendiskriminasi berdasarkan bangsa, agama, jantina, identiti, orientasi seksual, kekurangan upaya atau sebarang faktor lain yang tidak berkaitan dengan prestasi kerja

Di Seluruh Dunia

Barnes menggaji kira-kira 5,000 orang di seluruh dunia. Komitmen kita terhadap Kolaborasi terjalinkan dengan usaha kepelbagaian dan keterangkuman kita. Untuk bekerja dengan lancar merentasi sempadan, kita bekerjasama dengan pekerja, vendor dan pelanggan daripada pelbagai budaya yang berbeza. Kesihatan perhubungan ini memerlukan integriti dan rasa hormat, dan kita memandang serius suara berbeza yang menyumbang kepada perniagaan global kita. Untuk tujuan itu, Syarikat telah membangunkan Pernyataan Misi Kepelbagaian dan Keterangkuman (D&I) berikut:

Di Barnes, kita mempromosikan dan menerima baik tempat kerja yang pelbagai dan terangkum, dengan semua orang dilayan dengan bermaruah dan rasa hormat; dengan semua pekerja disokong, digalakkan dan diperkasa untuk melibatkan diri, menyumbang dan mencapai potensi penuh mereka dalam persekitaran yang selamat dan bermanfaat.

Di Barnes, semua orang, dari atas hingga ke bawah dan di seluruh organisasi, mempunyai tanggungjawab untuk menyokong misi D&I kita.

Mencegah Gangguan dan Buli



Kepercayaan Kita

Kita semua mendapat manfaat daripada persekitaran kerja yang selamat, terangcum dan penuh rasa hormat. Gangguan dan buli di tempat kerja tidak diterima dalam persekitaran ini.

Alasan Kita

Gangguan dan buli adalah sangat mengganggu dan tidak profesional. Kakitangan kita adalah penyumbang yang bersemangat kepada kejayaan Syarikat. Apabila kita mengekalkan tempat kerja yang bebas gangguan, semangat pekerja kita boleh terus memacu kejayaan syarikat.

Tindakan Kita

- Tidak sekali-kali membuat jenaka atau komen yang menyinggung perasaan, terutamanya mengenai bangsa, agama, jantina, kekurangan upaya atau aspek identiti peribadi yang lain
- Tidak sekali-kali membuat sentuhan fizikal yang tidak sesuai, termasuk sentuhan yang tidak diingini
- Tidak sekali-kali menggunakan bahasa atau tingkah laku yang mengancam atau menakutkan
- Tidak sekali-kali cuba bermesra atau mengajak berjahat dan jangan sekali-kali berkongsi bahan yang jelas berunsur tidak senonoh atau seksual
- Menyelesaikan semua kewajipan latihan dengan cara yang tepat pada masanya dan profesional
- Semua pekerja mempunyai kewajipan untuk melaporkan gangguan dan buli kepada salah satu sumber sokongan anda

Apakah Gangguan?

Gangguan boleh datang dalam bentuk perkataan, tindakan atau imej.

- **Apa yang kita katakan atau tulis:** Ini boleh termasuk penghinaan kaum atau jenaka yang menyinggung perasaan, yang dibuat sama ada secara peribadi atau melalui e-mel atau media sosial. Bahasa yang agresif atau mengancam juga boleh dikongsi dengan cara ini.
- **Apa yang kita lakukan:** Sebarang sentuhan yang tidak diingini, terutamanya yang bersifat seksual atau tidak senonoh, adalah gangguan. Perbuatan yang agresif atau sengaja mengganggu, seperti menghalang laluan seseorang, juga merupakan gangguan.
- **Apa yang kita paparkan:** Meletakkan imej atau poster yang menyinggung perasaan atau lucu di tempat kerja dianggap sebagai gangguan. Kubikel, ruang pejabat, loker peribadi, kotak peralatan, serta ruang skrin, semuanya dianggap sebagai kawasan tempat kerja dan imej jenis ini tidak sepatutnya dipaparkan di situ.

Ingat bahawa niat bukanlah perkara yang penting dalam hal gangguan. Persepsi atau reaksi orang lain adalah elemen utama. Pertimbangkan perasaan dan kesejahteraan rakan sekerja semasa bercakap, menulis, bertindak dan menghias.

Memastikan Tempat Kerja Kita Selamat dan Terjamin

Kepercayaan Kita

Tempat kerja yang selamat adalah asas untuk tempat kerja yang produktif. Kita semua bertanggungjawab untuk menjaga dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, mengikut protokol keselamatan, dan membuat keputusan tempat kerja yang mementingkan keselamatan.

Alasan Kita

Tiada metrik operasi yang lebih penting daripada keselamatan. Produktiviti dan perniagaan tidak boleh dijalankan dengan mengorbankan kesejahteraan kita. Kita berkembang maju sebagai sebuah syarikat dan melakukan kerja yang terbaik apabila kita semua sihat, selamat dan terjamin.

Tindakan Kita

Kita memastikan tempat kerja kita selamat dan terjamin apabila kita:

- Menjalankan operasi dengan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang, peraturan dan dasar keselamatan, di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan. Ini termasuk:
 - Sentiasa mematuhi peraturan dan prosedur keselamatan yang ditetapkan, papan tanda dan plakad
 - Sentiasa berusaha untuk secara proaktif mengenal pasti dan mengurangkan bahaya di tempat kerja untuk melindungi pekerja kita dan mencegah kecederaan
 - Sentiasa melibatkan diri dengan pekerja yang melakukan tugas berisiko kritikal yang boleh menyumbang kepada kecederaan akibat tinggi, termasuk penguncian/penandaan (lockout/tagout), bekerja di tempat tinggi dan memasuki ruang terkurung
 - Tidak sekali-kali bekerja di bawah pengaruh dadah atau alkohol
- Melaporkan semua kebimbangan dan pelanggaran keselamatan kepada penyelia atau pengurus hal ehwal kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE)
- Menyelesaikan semua perselisihan pendapat dengan hormat, profesional, dan tanpa kemarahan, jeritan, atau keganasan
- Memastikan pintu dan pagar kekal ditutup dan dikunci mengikut dasar khusus tapak dan kod keselamatan kebakaran, dan hanya membenarkan kakitangan yang diberi kuasa mengakses kemudahan kita
- Bertindak balas terhadap kecemasan dengan prosedur yang ditetapkan, termasuk menghubungi penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa kawal selia lain yang berkaitan jika perlu

Nasihat Kita

S. Saya bekerja dalam segmen Aeroangkasa Barnes, dan baru-baru ini saya mendapati ada tugas yang berpotensi berbahaya dalam salah satu proses pembuatan kita. Bagaimanakah saya boleh menyatakan kebimbangan saya?

A. Kita bergantung pada pekerja kita yang terlibat untuk menyumbang secara proaktif kepada pembangunan proses pembuatan kita. Anda perlu berkomunikasi dengan penyelia anda dan pengurus HSE untuk unit perniagaan anda dengan segera. Sistem pengurusan HSE kita merangkumi, antara lain, penilaian risiko, pembangunan prosedur, dan latihan keselamatan. Pemerhatian anda boleh menyokong matlamat kita untuk mempromosikan keselamatan pekerja.

S. Kerja saya memerlukan penggunaan peralatan perlindungan diri. Adakah Syarikat akan membekalkan peralatan ini?

J. Ya, jika anda berasa tidak selamat sama sekali atau kekurangan peralatan keselamatan yang sesuai, maklumkan penyelia anda atau pengurus HSE dengan segera. Jangan cuba melakukan tugas yang berkaitan dengan kerja tanpa peralatan dan prosedur keselamatan yang optimum. Barnes mempunyai set minda “utamakan keselamatan” dalam semua perkara yang kita lakukan.

Komitmen Kita Terhadap Pelanggan Kita dan Pasaran

Integriti. Inovasi. Evolusi.


Pelanggan dan pasaran melihat kepada kita untuk kebolehpercayaan, perkongsian dan inovasi. Kita menyediakan ini dan banyak lagi. Kita terus memberikan kecemerlangan dan menjangkakan penyelesaian untuk pelanggan dan pasaran kita.



“Inovasi di Barnes ada dalam DNA kami. Untuk terus berubah dan berkembang mengikut peredaran zaman, Barnes terpaksa berinovasi secara berterusan. Persistent Ingenuity di Barnes bermakna berusaha setiap hari untuk tampil dengan cara baharu yang lebih baik untuk melakukan sesuatu. Kilang terhubung pintar akan membantu memacu kualiti dan produktiviti serta menghasilkan pelepasan karbon yang lebih rendah. Inovasi Barnes berada di sekeliling kita. Saya beritahu anak-anak saya, ‘Ayahlah yang menghasilkan spring dalam traktor itu.’ Ini perkara yang membanggakan.”

Jason Sicotte
Pengurus Kejuruteraan, Bahan & Inovasi
Komponen Kejuruteraan

Menyampaikan Produk dan Perkhidmatan Berkualiti



Kepercayaan Kita

Sejak awal, reputasi Barnes telah dibina berdasarkan kualiti produk dan perkhidmatan kita. Kita memberikan nilai tertinggi kepada pelanggan melalui perkhidmatan yang inovatif dan produk yang unggul. Kita tidak berkompromi dari segi kualiti dan keselamatan.

Alasan Kita

Perniagaan kita ditentukan oleh produk dan perkhidmatannya. Pertumbuhan kita dalam bidang aeroangkasa, pengangkutan, automasi, perubatan dan banyak lagi bidang yang kompleks sentiasa bergantung pada kualiti. Sambil kita terus berkembang dan berevolusi dalam pasaran di seluruh dunia, kita mesti mengekalkan standard yang tinggi.

Tindakan Kita

Kita mewujudkan [Sistem Perusahaan Barnes \(BES\)](#) untuk memastikan kualiti tertinggi produk dan perkhidmatan kita. Selain itu, kita mengekalkan komitmen terhadap kualiti apabila kita:

- Memastikan persekitaran yang mengutamakan kualiti dan keselamatan pelanggan
- Melaporkan kebimbangan berkenaan kualiti dan keselamatan dengan segera
- Mematuhi semua standard dan prosedur kawalan kualiti pada setiap masa

Mengelakkan Rasuah dan Sogokan



Kepercayaan Kita

Kita memenangi dan mengekalkan perniagaan secara jujur, adil dan berdasarkan nilai yang kita cipta untuk pelanggan. Kita berusaha untuk mendapatkan hasil tanpa menjejaskan integriti kita, dan kita tidak pernah menawarkan atau menerima insentif yang tidak wajar untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil.

Alasan Kita

Sogokan tidak ada tempat di Barnes. Kita tidak bertolak ansur dengannya dalam apa jua bentuk, di mana-mana sahaja kita beroperasi. Perkara ini memudaratkan komuniti dan meletakkan Syarikat dan reputasi kita dalam bahaya. Ini juga boleh mengakibatkan denda yang besar dan juga hukuman penjara bagi individu yang terlibat. Dengan mengelakkan rasuah, perniagaan kita lebih kukuh dan lebih mampan.

Bentuk Korupsi

Rasuah **berlaku** apabila seseorang menawarkan atau menerima apa-apa yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan secara tidak wajar.

Suapan ialah balasan apa-apa yang bernilai sebagai ganjaran untuk memupuk aturan perniagaan.

Pembayaran pemudahan, atau **pelincir** adalah pembayaran yang dibuat kepada individu untuk mempercepatkan tindakan rutin kerajaan seperti mengeluarkan permit.

Tindakan Kita

Kita menghalang rasuah dan bentuk sogokan yang lain apabila kita:

- Memilih untuk mendapatkan dan menjalankan perniagaan dengan cara yang betul dengan menggunakan Sistem Perusahaan Barnes
- Tidak sekali-kali menawarkan sesuatu yang bernilai untuk mendapatkan kelebihan perniagaan, termasuk memudahkan pembayaran

- Menolak rasuah atau sogokan jika ditawarkan kepada kita
- Menyimpan [rekod kewangan](#) yang tepat dan lengkap
- Tidak sekali-kali menggunakan pihak ketiga untuk membuat pembayaran yang tidak wajar
- Mematuhi dasar Syarikat yang berkaitan dengan memberi dan menerima [hadiah dan hiburan](#)
- Melaporkan sebarang insiden pelanggan standard rasuah dan sogokan kepada Pegawai Pematuhan Global

Di Seluruh Dunia

Barnes menjalankan perniagaan di seluruh dunia, dan undang-undang rasuah dan sogokan mungkin berbeza dari satu tempat ke satu tempat. Undang-undang ini terpakai kepada semua pekerja Syarikat dan rakan kongsi perniagaan di setiap lokasi kita menjalankan perniagaan. Contohnya, kita mesti mematuhi Akta Amalan Rasuah Asing A.S. dan Akta Rasuah U.K. di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan.

Nasihat Kita

S. Saya sedang mendapatkan permit daripada pejabat kerajaan. Pegawai memberitahu saya adalah kebiasaan untuk membuat pembayaran untuk mempercepatkan proses ini. Bolehkah saya membayarnya?

J. Tidak. Pegawai tersebut meminta apa yang dipanggil *bayaran pemudahan*, iaitu pembayaran kepada individu untuk mempercepatkan tindakan rutin kerajaan. Tindakan sedemikian mungkin termasuk mengeluarkan permit atau mengatur perkhidmatan pos. Barnes tidak membenarkan pembayaran sedemikian. Jangan buat pembayaran dan laporkan permintaan tersebut kepada Pegawai Pematuhan Global.

Memberi dan Menerima Hadiah dan Hiburan



Kepercayaan Kita

Kita berbangga dengan pelbagai perkongsian perniagaan yang telah kami bangunkan selama ini. Walaupun kita bersyukur atas hubungan ini, kita tidak memberi atau menerima hadiah dan hiburan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.

Alasan Kita

Bertukar-tukar hadiah dan hiburan dengan rakan niaga boleh menjadi cara untuk memupuk hubungan dan membina muhibah. Walau bagaimanapun, pertukaran ini tidak boleh sekali-kali mempengaruhi, atau malah kelihatan mempengaruhi, keputusan perniagaan kita. Apabila kita memisahkan tindakan muhibah daripada keputusan perniagaan, kita menunjukkan integriti kita, yang membawa kepada perniagaan yang lebih sihat secara keseluruhan.

Tindakan Kita

Ingat bahawa hadiah dan hiburan perniagaan mewujudkan kebimbangan etika dan undang-undang apabila diberi dengan mengharapkan sesuatu sebagai balasan. Untuk mengelakkan masalah ini, kita tidak akan meminta hadiah. Jika ditawarkan, kita boleh menerima hanya apabila hadiah itu:

- Bukan tunai atau sesuatu yang setara tunai (cth., kad hadiah)
- Tidak kerap dan bernilai kecil sahaja
- Selaras dengan dasar kita dan dasar rakan kongsi perniagaan
- Tidak berkaitan dengan mana-mana kontrak atau perjanjian perniagaan
 - Sebagai contoh, kita tidak menerima sebarang hadiah daripada vendor yang kita sedang nilaikan untuk kontrak

Kadangkala, kita mungkin menawarkan hadiah dan hiburan kepada rakan kongsi perniagaan. Ini juga mesti mengikut

kriteria di atas. Di samping itu, kita mendokumentkan dengan tepat sebarang hadiah yang kita berikan atau terima supaya rekod itu boleh dinilai, jika perlu.

Nasihat Kita

S. Saya terlibat dalam rundingan kontrak dengan syarikat yang berpotensi menjadi rakan kongsi perniagaan. Salah seorang wakil mereka menawarkan untuk membelanja saya makan tengah hari. Bolehkah saya menerima tawaran itu?

J. Tidak. Tawaran ini boleh ditafsirkan sebagai hadiah, dan kita tidak menerima hadiah atau hiburan daripada mana-mana rakan kongsi perniagaan yang kontraknya sedang dirundingkan. Rakan niaga tersebut mungkin tidak mengharapkan apa-apa balasan, tetapi apa-apa yang kelihatan seperti tingkah laku yang tidak beretika harus dielakkan. Tolak tawaran dengan sopan dan maklumkan kepada Pegawai Pematuhan Global anda.

Bagaimana dengan Kakitangan dan Agensi Kerajaan?

Peraturan mengenai hadiah dan hiburan adalah lebih ketat apabila melibatkan kakitangan dan agensi kerajaan. Mengetahui pasti syarikat milik kerajaan juga boleh menjadi sukar. Sebagai sebuah syarikat global dengan rakan kongsi perniagaan di seluruh dunia, kita mesti bertindak dengan lebih berhati-hati. Sebelum memberikan sesuatu yang bernilai kepada kakitangan kerajaan, atau jika anda tidak pasti sama ada perniagaan itu milik kerajaan, hubungi Pegawai Pematuhan Global untuk mendapatkan nasihat.

Bersaing Secara Adil



Kepercayaan Kita

Produk dan perkhidmatan inovatif kita menjadikan kita berdaya saing di peringkat global. Persaingan yang adil menguatkan bukan sahaja perniagaan kita tetapi kualiti keseluruhan amalan perniagaan dalam semua sektor tempat kita bersaing. Apabila kita bersaing secara adil, semua orang menang.

Alasan Kita

Untuk kekal berdaya saing, kita perlu kekal jujur. Integriti dan permainan adil menarik dan mengekalkan pelanggan dan rakan kongsi perniagaan. Ini juga memastikan bahawa kita sentiasa melihat dengan jelas tentang strategi dan keputusan kita. Ketahanan kita sebagai sebuah syarikat bergantung pada kemampuan kita untuk bersaing secara beretika dan sah.

Tindakan Kita

Undang-undang tentang persaingan yang adil adalah kompleks dan mungkin berbeza mengikut negara. Kita mematuhi undang-undang ini di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan. Secara umumnya, kita bersaing secara adil apabila kita:

- Tidak sekali-kali membincangkan harga, proses pembidaan atau pembahagian pasaran dengan pesaing
- Melaporkan sebarang percubaan pesaing untuk mengadakan perbincangan yang tidak wajar atau membuat perjanjian yang menyalahi undang-undang
- Tidak sekali-kali membuat dakwaan palsu tentang produk pesaing atau mengganggu perniagaan mereka
- Tidak sekali-kali mendapatkan maklumat persaingan secara haram
- Tidak sekali-kali menggunakan kekuatan pasaran untuk menyekat persaingan

Di Seluruh Dunia

Undang-undang antitrust, sering dikenali sebagai undang-undang persaingan di luar Amerika Syarikat, direka bentuk untuk memastikan persaingan bebas dan adil. Kita mesti mengekalkan kesedaran kita tentang cara undang-undang ini mungkin berbeza di banyak negara tempat kita menjalankan perniagaan. Bersaing secara adil adalah perkara yang betul untuk dilakukan dan perkara terbaik untuk reputasi global kita.

Penalti kerana melanggar undang-undang antitrust dan persaingan boleh membawa kepada denda yang berat dan juga hukuman penjara. Jika anda tidak pasti tentang situasi yang melibatkan pesaing global, elakkan daripada membincangkan topik tersebut. Hubungi Perkhidmatan Undang-Undang untuk panduan.

Persatuan Perdagangan

Barnes mungkin terlibat dengan persatuan perdagangan, baik di dalam Amerika Syarikat mahu pun di seluruh dunia. Persatuan perdagangan membenarkan pihak berkepentingan industri bertemu dan membincangkan amalan terbaik. Mereka juga boleh memberikan peluang untuk mempromosikan barangan dan perkhidmatan kita.

Pesaing kita juga mungkin menjadi sebahagian daripada persatuan perdagangan ini. Atas sebab ini, kita mesti mengekalkan standard etika yang tinggi apabila kita mengambil bahagian dalam persatuan ini. Kita tidak berkongsi maklumat proprietari, bukan umum, dan kita juga tidak berkongsi sebarang maklumat harga atau gaji tanpa kelulusan terlebih dahulu. Perkhidmatan Undang-undang dan Pegawai Pemuatan Global boleh menawarkan lebih banyak panduan seperti yang diperlukan.

Bekerjasama dengan Rakan Niaga Kita



Kepercayaan Kita

Kita berusaha untuk menjalankan perniagaan kita dengan integriti, dan ini meliputi rakan kongsi perniagaan kita. Kita mengharapkan rakan kongsi perniagaan kita untuk mengekalkan standard etika yang sama tinggi dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai. Ini membantu kita mencapai matlamat kita sebagai sebuah syarikat.

Alasan Kita

Rakan kongsi perniagaan kita penting untuk cara kita menyampaikan nilai kepada pelanggan kita dalam bidang yang kompleks seperti kejuruteraan industri dan aeroangkasa. Untuk produk dan perkhidmatan kita menjadi berkualiti tinggi, rakan kongsi perniagaan kita mesti berkongsi standard kita yang tinggi. Semua reputasi kita bergantung padanya.

Tindakan Kita

Kita sentiasa melayan rakan kongsi perniagaan kita secara adil, tanpa mengira nilai perniagaan atau tempoh perhubungan. Kita juga membangunkan perkongsian perniagaan yang kukuh dan beretika apabila kita:

- Memilih rakan kongsi perniagaan kita berdasarkan kriteria objektif, termasuk:
 - Kualiti
 - Harga
 - Kebolehpercayaan
 - Ketersediaan
- Elakkan apa-apa yang kelihatan seperti konflik kepentingan, termasuk menolak hadiah yang mungkin mempengaruhi keputusan perniagaan
- Jangan sekali-kali berkongsi maklumat sulit syarikat lain, kecuali dengan kebenaran

- Berkomunikasi dan bekerjasama dengan rakan kongsi perniagaan untuk mencari penyelesaian
- Memastikan rakan kongsi perniagaan kita mematuhi undang-undang dan mempunyai standard etika yang tinggi

Siapakah Rakan Niaga Kita?

Barnes bekerjasama dengan banyak perniagaan, termasuk pembekal, pengedar dan ejen jualan. Pembekal selalunya menyediakan bahan mentah yang kita perlukan untuk produk kita. Pengedar membantu kita membawa produk tersebut ke pasaran. Ejen jualan membantu kita mencipta peluang perniagaan dengan pelanggan baharu. Walaupun rakan kongsi perniagaan kita memainkan beberapa peranan untuk kita, kita mengharapkan kualiti dan integriti daripada mereka semua.

Nasihat Kita

S. Saya bertemu dengan ejen jualan yang mungkin boleh mendapatkan pelanggan Barnes di negara yang kita tidak pernah menjalankan perniagaan. Bolehkah saya bercakap dengan ejen ini bagi pihak Syarikat kita?

J. Kita mempunyai proses usaha wajar untuk bekerja dengan ejen jualan baharu dan mesti mengesahkan kelayakan mereka melalui semakan latar belakang dan proses ketekunan lain. Hubungi Perkhidmatan Undang-Undang untuk memulakan proses. Jika semuanya jelas dan diluluskan, anda boleh meneruskan perjanjian dengan ejen.

Rujuk [Kod Kelakuan Pembekal](#) kita untuk maklumat lanjut.

Bekerjasama dengan Pelanggan Kerajaan Kita



Kepercayaan Kita

Reputasi kita untuk produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan selamat telah memberikan kita ramai pelanggan, termasuk kerajaan. Seperti semua pelanggan kita, kita berbesar hati dan bertuah menerima perniagaan ini. Kita juga menerima tanggungjawab istimewa yang datang dengan memberi perkhidmatan kepada pelanggan kerajaan.

Alasan Kita

Oleh sebab pelanggan kerajaan kita menggunakan dana awam untuk mendapatkan kontrak perniagaan, standard undang-undang dan etika yang lebih ketat mungkin terpakai. Kita komited terhadap standard etika yang tinggi dengan semua pelanggan kita, tetapi kita tahu bahawa kita perlu lebih berhati-hati dengan pelanggan kerajaan.

Nota mengenai Subkontrak


Apabila kita membuat subkontrak dengan perniagaan lain yang pelanggannya adalah kerajaan, kita mesti bertindak seolah-olah kerajaan itu adalah pelanggan kita juga. Ini juga terpakai kepada rakan kongsi perniagaan kita apabila pelanggan Barnes adalah kerajaan. Kita mesti sedar bagaimana perkongsian perniagaan kita dipengaruhi oleh kontrak kerajaan untuk memastikan standard etika tertinggi.

Tindakan Kita

Kita memenuhi keperluan khas pelanggan kerajaan apabila kita:

- Mematuhi semua undang-undang dan dasar perolehan yang berkaitan
- Memastikan kita mematuhi keperluan perakaunan kerajaan
- Berkomunikasi dengan jujur dan sepenuhnya tentang:
 - Menjual, memasarkan atau menyerahkan kontrak
 - Menjejaki kos
 - Menyediakan invoice
- Tidak sekali-kali menawarkan apa-apa kepada pegawai atau pekerja kerajaan (lihat [“Mengelakkan Rasuah dan Sogokan”](#) dan [“Memberi dan Menerima Hadiah dan Hiburan”](#))

Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa



Kepercayaan Kita

Barnes telah berkembang menjadi perniagaan global, dan kita akan terus menjalankan perniagaan di mana-mana sahaja yang boleh. Kita mematuhi semua undang-undang perdagangan antarabangsa apabila memindahkan produk, teknologi dan perkhidmatan merentasi sempadan. Perniagaan kita berkembang dengan baik apabila berdagang mengikut undang-undang.

Alasan Kita

Undang-undang perdagangan antarabangsa adalah kompleks dan berbeza dari satu tempat ke satu tempat. Sebagai sebuah syarikat yang berpangkalan di A.S. yang mengimport, mengeksport, mencari sumber dan bekerjasama di seluruh dunia setiap hari, kita tertakluk kepada pelbagai peraturan. Pelanggaran mana-mana satu daripada ini boleh mengakibatkan penalti yang serius malah menjejaskan keupayaan kita untuk menjalankan perniagaan secara global.

Tindakan Kita

Kita memastikan pematuan dengan kawalan perdagangan antarabangsa apabila kita:

- Mengetahui peraturan sesebuah negara sebelum berdagang dan bertukar data teknikal, produk atau perkhidmatan merentasi sempadannya
- Mematuhi semua dasar syarikat yang berkaitan dengan perdagangan
- Tidak sekali-kali menjalankan perniagaan dengan entiti di bawah embargo atau sekatan A.S.
- Menjalankan semakan usaha wajar ke atas semua pihak ketiga yang menjalankan perniagaan atau yang dijangka akan menjalankan perniagaan dengan kita
- Memaklumkan Perkhidmatan Perundangan mengenai semua permintaan boikot dan kebimbangan perdagangan

Di Seluruh Dunia

Undang-undang perdagangan global merangkumi produk dan perkhidmatan sehingga ke data dan perisian. Maklumat pelanggan dan bahan mentah yang seumpamanya berada dalam skop peraturan. Kita mesti memastikan bahawa apa sahaja yang kita import atau eksport:

- Sah untuk diimport atau dieksport (cth., bukan data peribadi pelanggan atau terhad eksport)
- Digunakan untuk tujuan yang dibenarkan
- Tiba di destinasi yang sah (cth, bukan di bawah embargo)

Setiap negara tempat kita menjalankan perniagaan akan mempunyai undang-undang dan tarif yang berkembang. Untuk bertindak balas dengan berkesan dan kekal patuh, kita perlu berkembang sebagai tindak balas.

Di Seluruh Dunia

Walaupun Barnes ialah syarikat global, kita beribu pejabat di Amerika Syarikat. Ini bermakna kita mesti mematuhi undang-undang A.S. mengenai boikot di luar Amerika Syarikat. Permintaan untuk menyertai boikot yang menyalahi undang-undang boleh dibuat secara bertulis atau lisan, dan mungkin sukar dikenal pasti. Kita perlu segera melaporkan semua permintaan sedemikian kepada Perkhidmatan Undang-undang.

Komitmen Kita Kepada Komuniti Kita

Integriti. Inovasi. Evolusi.

Barnes komited terhadap inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), termasuk menyumbang kembali kepada komuniti kita. Yayasan Kumpulan Barnes merupakan penyumbang penting kepada beberapa kempen alam sekitar di seluruh dunia. Satu contoh ialah Pusat Alam Semula Jadi Memorial Harry C. Barnes di Indian Rock Preserve. Melalui hadiah daripada Yayasan Kumpulan Barnes, kawasan pemuliharaan ini telah mendidik ribuan murid sekolah tempatan mengenai keindahan dan sejarah persekitaran semula jadi mereka dan kepentingan memulihara keindahan itu untuk generasi akan datang.



"Saya warga Puerto Rico dan melihat Barnes memberi impak yang besar dalam komuniti Hispanik dan di seluruh dunia. Adalah penting bagi saya bekerja untuk syarikat yang mempunyai kesan sedemikian dalam komuniti, dalam komuniti saya; saya melihatnya setiap hari melalui inisiatif yang berbeza, dan saya sangat berbangga dan berterima kasih atas kerja ini."

Vivian Martinez-Wells
Pengarah, Rantaian Bekalan
Barnes Aerospace

Memelihara dan Melindungi Warga Kita dan Alam Sekitar Kita



Kepercayaan Kita

Kita menghargai persekitaran kita, termasuk tempat kita bekerja dan tinggal, dan kita berinovasi untuk menjadikan proses perniagaan kita mampan. Syarikat kita dan warga kita memerlukan alam sekitar yang sihat untuk maju.

Alasan Kita

Kita mereka bentuk proses yang mengekalkan sumber semula jadi dan komited kepada tanggungjawab korporat dengan meneruskan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Komitmen ini mewujudkan nilai untuk pemegang kepentingan kita dan merupakan kunci kejayaan kita sebagai organisasi yang bertanggungjawab dan mampan.

Di Seluruh Dunia

Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGC) menggariskan matlamat untuk perniagaan mencapai amalan mampan. Kita menyokong prinsip ini dan sedang berusaha untuk menyelaraskan perniagaan kita dengan prinsip tersebut. Kita mematuhi undang-undang alam sekitar di semua negara tempat kita menjalankan perniagaan, dan kita sedang memetakan visi kita dengan mengambil kira inisiatif global.

Tindakan Kita

Kita melindungi rakyat dan alam sekitar apabila kita:

- Mematuhi semua undang-undang alam sekitar dan dasar Syarikat
- Menguruskan bahan kimia kita mengikut amalan terbaik dan melaporkan sebarang kebocoran atau tumpahan bahan kimia berbahaya

- Menjalankan perniagaan mampan yang mengurangkan semua jenis sisa dan ketidakcekan serta memulihara sumber semula jadi untuk meminimumkan jejak alam sekitar kita

Contoh cara kita memastikan kemudahan kita cekap tenaga termasuk:

- Mematikan mesin atau peralatan apabila tidak digunakan
- Memasang lampu LED
- Memodenkan sistem HVAC kita
- Melakukan penyelenggaraan pencegahan pada peralatan pengeluaran dan kemudahan kita untuk memastikan prestasi optimum

Syarikat Paling Bertanggungjawab di Amerika 2021

Pada 2020, *Newsweek* menamakan Barnes sebagai salah satu "Syarikat Paling Bertanggungjawab di Amerika 2021." Kita berbesar hati dan akan terus bertanggungjawab ke atas jejak alam sekitar kita. Warga kita, Syarikat kita dan masa depan kita bergantung padanya.



Menghormati Hak Asasi Manusia



Kepercayaan Kita

Kita menghormati nilai dan maruah setiap individu. Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang pelanggaran hak asasi manusia dalam mana-mana bahagian perniagaan kita, di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan, dan kita mengharapkan perkara yang sama daripada rakan kongsi kita.

Alasan Kita

Nilai Syarikat kita datang daripada kakitangan kita. Sama seperti kita memperkasakan pasukan kita yang pelbagai untuk kesihatan Syarikat kita, begitu juga kita menghormati hak asasi manusia untuk kesihatan dunia kita. Perniagaan kita berkembang maju apabila kita menghargai kemanusiaan setiap individu.

Tindakan Kita

Kita menghormati dan melindungi hak asasi manusia apabila kita:

- Memastikan keadaan kerja yang selamat dan adil serta bayaran untuk semua pekerja
- Memastikan pembekal dan rakan kongsi perniagaan kita yang lain menggunakan buruh yang adil dan amalan penyumberan yang mampan
- Tidak sekali-kali menggunakan buruh kanak-kanak atau banduan, di mana sahaja kita menjalankan perniagaan
- Sentiasa memaklumkan Syarikat tentang pelanggaran hak asasi manusia yang diketahui atau berpotensi

Dasar Hak Asasi Manusia

Kita menggalakkan hak asasi manusia melalui hubungan dengan pekerja, komuniti tempat kita beroperasi, cara kita menjalankan perniagaan dan melalui perkongsian dengan pembekal, vendor dan kontraktor kita. Rujuk [Dasar Hak Asasi Manusia](#) kita untuk maklumat lanjut.

Mengambil bahagian dalam Proses Politik



Kepercayaan Kita

Kita semua boleh membuat perubahan sebagai rakyat dalam komuniti kita, dan kita semua mempunyai hak terhadap kepercayaan dan pendapat kita. Walau bagaimanapun, masa dan sumber Syarikat tidak boleh digunakan untuk politik peribadi. Sebagai sebuah syarikat, kita memenangi perniagaan apabila kita melibatkan kerajaan dengan integriti dan sebagai satu syarikat.

Alasan Kita

Apabila kita mengambil bahagian dalam politik, kita menjadikan masyarakat lebih adil dan lebih produktif. Tindakan kita sebagai sebuah syarikat mesti mengutamakan keadilan dan produktiviti juga. Mencampurkan politik peribadi dan kepentingan terbaik Syarikat kita boleh merosakkan reputasi. Selain itu, kita tidak boleh cuba mempengaruhi kerajaan secara tidak beretika.

Tindakan Kita

Kita mesti sentiasa berhati-hati untuk memisahkan pandangan politik individu kita daripada pandangan Barnes. Kita boleh mengambil bahagian dalam politik peribadi mengikut masa kita sendiri dan dengan wang kita sendiri, jauh dari tempat kerja.

Sebagai sebuah syarikat, kita mengambil bahagian dalam politik secara adil apabila kita:

- Jangan sekali-kali membuat sumbangan politik bagi pihak Syarikat tanpa kelulusan terlebih dahulu
- Jangan sekali-kali menggunakan kemudahan Syarikat untuk mengumpul dana
- Mematuhi semua peraturan untuk melobi, termasuk:
 - Melaporkan semua perbelanjaan melobi Syarikat
 - Hanya membenarkan kakitangan yang diberi kuasa untuk berkomunikasi dengan pegawai kerajaan

Nasihat Kita

S. Saya berkhidmat dalam jawatankuasa untuk organisasi politik bebas. Kami cuba mengumpul dana, dan saya fikir beberapa pekerja Barnes akan berminat untuk menyumbang. Bolehkah saya meminta derma daripada rakan sekerja di tempat kerja?

J. Tidak. Aktiviti politik peribadi mestilah berasingan daripada tempat kerja. Kita menyokong hak dan semangat anda sebagai warganegara, tetapi tempat kerja Barnes tidak boleh menjadi tapak untuk mengumpul dana. Rakan sekerja tidak seharusnya merasa tertekan untuk menyokong tujuan politik, terutamanya jika mereka kakitangan bawahan anda.

Melabur dalam Komuniti Kita



Kepercayaan Kita

Menjadi warga korporat yang baik bermula dengan menjadi pemimpin masyarakat yang hebat. Kita komited untuk menyumbang, dan kita berusaha untuk menambah baik komuniti kita melalui sumbangan sukarela dan amal.

Alasan Kita

Sebagai sebuah syarikat yang mempunyai sejarah panjang dan jangkauan global, kita tahu kita boleh membuat perubahan ke arah yang lebih baik. Memastikan komuniti kita sihat dan kuat memastikan kita diperkasa dan berdaya saing. Warga kerja dan komuniti kita adalah sumber kekuatan kita sebagai sebuah syarikat.

Tindakan Kita

Kita melabur dengan cara terbaik dalam komuniti kita apabila kita:

- Mengambil bahagian dalam tujuan sukarela dan amal
- Sentiasa mendapatkan kelulusan sebelum menderma bagi pihak Barnes atau dengan dana Syarikat
- Memastikan kerja sukarela tidak mengganggu kerja atau mewujudkan konflik kepentingan
- Jangan sekali-kali memaksa orang lain untuk terlibat dalam organisasi komuniti, sama ada melalui sumbangan derma atau sebagai sukarelawan

Yayasan Kumpulan Barnes

Sejak 1945, Yayasan Kumpulan Barnes telah menyokong pendidikan, seni, penjagaan kesihatan dan banyak lagi. Melalui hadiah yang sepadan, Yayasan mempertingkatkan sumbangan pekerja untuk membantu organisasi bukan keuntungan yang layak. Program Biasiswa Pelajar Yayasan membantu anak-anak pekerja yang mengikuti pendidikan selepas menengah. Yayasan juga telah menyokong United Way melalui kempen tempatan dan sumbangan yang sepadan. Ini hanyalah beberapa cara yang telah diberikan oleh Yayasan Kumpulan Barnes kepada komuniti tempat kita menjalankan perniagaan.

Pindaan dan Penepian Kod Kita

Kod ini terpakai kepada semua pengarah, pegawai dan pekerja Barnes, termasuk pekerja sementara dan kontrak.

Dalam keadaan tertentu, Barnes boleh mengetepikan peruntukan Kod. Untuk mendapatkan penepian, sila berbincang dengan Perkhidmatan Undang-undang. Permintaan penepian daripada pegawai eksekutif atau pengarah akan dirujuk kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa tunggal untuk memberikan penepian peruntukan Kod yang melibatkan pengarah atau pegawai eksekutif.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk memastikan sama ada sebarang pindaan substantif kepada Kod adalah sesuai. Barnes tidak boleh membuat pindaan substantif kepada mana-mana bahagian Kod kecuali dengan undi afirmatif majoriti ahli Jawatankuasa Audit.

Jika sebarang pindaan substantif dibuat—atau sebarang penepian diberikan kepada pengarah, pegawai eksekutif, atau mana-mana pegawai kewangan—ini akan segera didedahkan kepada pemegang saham seperti yang dikehendaki oleh Akta Bursa Sekuriti 1934, seperti yang dipinda, dan peraturan yang terpakai bagi Bursa Saham New York. Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk mengawasi pentadbiran Kod ini dan akan melaporkan secara berkala kepada Lembaga mengenai pematuhan Kod ini.



Perakuan

Saya telah menerima Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan Barnes (“Kod” kita). Saya memperakui bahawa saya mempunyai tanggungjawab untuk membaca Tatakelakuan kita dan membiasakan diri dengan dasar-dasar Syarikat. Saya memperakui bahawa Kod kita bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan dasar Syarikat kita dan tidak semestinya mewakili semua dasar yang berkuat kuasa pada masa tertentu. Seterusnya saya memperakui bahawa Kod, mahupun mana-mana polisi Syarikat yang dirujuk di dalamnya, tidak membentuk kontrak pekerjaan atau jaminan pekerjaan berterusan dengan Barnes, anak syarikat, bahagian atau lokasinya, dan Syarikat berhak untuk mengubah suai dasarnya dan Kod ini pada bila-bila masa.

Tandatangan

Nama (huruf besar)

Jawatan

Bahagian

Tarikh





Tataetika dan Tatakelakuan Perniagaan